

Headline	Rumah baharu untuk 45 keluarga		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 May 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	331 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,646
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,938



Rumah baharu untuk 45 keluarga

Projek pembinaan rumah melalui SPNB itu dijangka selesai tiga bulan lagi

BANTING - Penantian 45 keluarga memiliki rumah sendiri bakal berakhir apabila Penyerahan Inden Kerja Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) Peringkat Kuala Langat diadakan di Pejabat Umno Bahagian Kuala Langat, semalam.

Seorang pemohon, Mohd Rosdi Mahmud, 45, dari Batu 10, Kebun Baharu berkata, dia gembira apabila penantian dua tahun untuk memiliki rumah sendiri melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bakal tercapai kira-kira tiga bulan lagi.

Menurutnya, dia yang bekerja sendiri dengan pendapatan kurang RM3,000 itu bersyukur kerajaan membantu rakyat dari segi dana untuk memberi keselesaan.

"Memanglah permohonan bina rumah ada macam-macam syarat, tapi kalau syarat yang ditetapkan itu dipenuhi Insya-ALLAH pemohon boleh menikmati rumah sendiri.

"Saya jangka kami bakal sambut Hari Raya Aidiladha di rumah baru memandangkan

projek bina rumah dimaklumkan makan masa tiga bulan. Tapi itu pun bergantung kepada komitmen kontraktor yang dilantik," katanya.

Sementara itu Sujana Tabuli, 52, dari Sijangkang berkata, rumah tersebut amat dinantikan segera siap memandangkan dia kini tinggal menyewa rumah dengan kadar sewanya RM450 sebulan.

Katanya, dia terpaksa menampung keluarga dengan berniaga makanan Yong Tau Fu di pasar malam.

"Memanglah makcik tinggal dengan anak, tapi keperluan rumah untuk makcik teruskan hidup tu perlu.

Kalau nak habiskan duit bayar sewanya saja memang tak berbaloi, baik makcik bina rumah," katanya yang bersyukur dapat rumah melalui bantuan SPNB.

Sujana berkata, pada awalnya memang dia mahu kan rumah siap sempena Aidilfitri nanti, namun memahami tugas kontraktor yang terpaksa menyiapkan beberapa buah rumah dalam

tempoh yang ditetapkan.

Tambahnya, menerusi perjumpaan bersama SPNB semalam, penerangan jelas berhubung proses selanjutnya diperoleh secara terus sekaligus membantu pemohon mendapatkan maklumat.

Sementara itu, Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, penerangan mengenai pembinaan rumah perlu dilakukan bagi mengelakkan daripada timbul fitnah.

Menurutnya, pemohon perlu dapatkan maklumat tepat mengenai sesuatu permohonan supaya tiada kekeliruan berlaku.

"Saya pernah menerima pelbagai aduan mengenai permohonan rumah sedangkan pemohon berkenaan membuat permohonan di saluran yang berlainan tetapi memanjangkan permohonan mereka di saluran berbeza.

"Kita tak nafikan kerajaan persekutuan ada pelbagai saluran bantuan rumah, jadi pemohon perlu peka dengan


saluran mana yang dipohon," katanya.

Sulaiman berkata, melalui rekod SPNB sebanyak 354 permohonan diterima dengan 113 rumah sudah siap dibina.

Bagaimanapun, pihaknya kini sedang menumpukan proses pembinaan 45 unit rumah yang dijangka siap selewat-lewatnya dua hingga ke tiga bulan.

"Saya turut beri jaminan mana-mana kontraktor yang menjalankan tugas dengan baik dapat diberi peluang meneruskan projek dan menolak kontraktor yang tidak boleh menjalankan tugas dengan baik pada masa akan datang," katanya yang mengharapkan kerjasama pemohon dengan kontraktor diteruskan.

Hadir sama Ketua Mesra SPNB Cawangan Selangor, Norhaslinda Mohamad Hanit.



● Melalui rekod SPNB sebanyak 354 permohonan diterima dengan 113 rumah sudah siap dibina.



Norhaslinda (kanan) bersama Sulaiman bersama kontraktor dan sebahagian pemohon yang hadir pada Majlis Penyerahan Inden Kerja Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) Peringkat Kuala Langat, semalam.